



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**15 Ogos 2019**

1. MAQIS tahan motosikal bawa anjing dari Thailand; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Setempat</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="2"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
15 Ogos 2019			

## MAQIS tahan motosikal bawa anjing dari Thailand

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menahan sebuah motosikal yang membawa seekor anjing dari Thailand di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS).

Hasil pemeriksaan mendapati anjing baka Pomeranian bernilai RM500 itu dibawa masuk tanpa sebarang dokumen sah dari MAQIS seperti Import Permit dan sijil kelahiran veterinar pada 2 Ogos lalu.

Anjing itu ditahan bertujuan untuk mengawal virus anjing gila sekiranya menjangkiti manusia yang

boleh mengakibatkan kematian.

Pengarah MAQIS Kedah, Lily Rosalind berkata, haiwan itu akan ditahan dan individu berkenaan akan dikenakan tindakan tegas kerana gagal mematuhi syarat import yang ditetapkan.

Beliau berkata, perbuatan mengimport binatang tanpa permit dari MAQIS adalah menjadi satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3), Akta yang sama.